

D418

U B892 AAB DEM
MAHATHIR - MANDELA

I

KUALA LUMPUR, 6 OKT (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN CUBA MENUNDA TARIKH LAWATAN KE MALAYSIA OLEH PEJUANG ANTI-APARTEID AFRIKA SELATAN, NELSON MANDELA SEHINGGA SELEPAS PILIHAN RAYA UMUM 21 OKT INI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA ENCIK MANDELA MUNGKIN BOLEH MELAWAT KE BRUNEI DAHULU SEBELUM DATANG KE MALAYSIA.

+SEKIRANYA JADUAL LAWATANNYA TIDAK BOLEH DIUBAH, TIDAK MENGAPA, TETAPI SEKIRANYA BOLEH, SUDAH TENTU KITA MAHU BELIAU DATANG SELEPAS PILIHAN RAYA,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI MENARA DATUK ONN, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

+DAN SELEPAS PILIHAN RAYA, SUDAH TENTU ADA ORANG LAIN YANG BERANGGAPAN MEREKA AKAN MENJADI TUAN RUMAH...ITU SAYA TIDAK TAHU,+ KATANYA.

PEJUANG KULIT HITAM ITU DIJADUAL MEMULAKAN LAWATAN SATU BULANNYA KE LAPAN NEGARA ISNIN INI DENGAN KE PARIS SEBELUM KE MOSCOW PADA 9 OKT, INDIA PADA 14 OKT, MALAYSIA PADA 19 OKT, BRUNEI PADA 21 OKT, AUSTRALIA PADA 22 OKT, INDONESIA PADA 26 OKT, JEPUN PADA 27 OKT SEBELUM PULANG KE JOHANNESBURG, PADA 2 NOV. -- LAGI

1642MST 06 10 90

U B893 AAB DEM
MAHATHIR - MANDELA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR TERSENYUM APABILA DIMINTA MENGULAS MENGENAI DAKWAAN DAP KONONNYA LAWATAN ENCIK MANDELA KE SINI IALAH BERTUJUAN +MEMANCING UNDI+ BAGI PARTI PEMERINTAH.

+KALAU LAH SAYA BERKUASA DAN SANGAT BERPENGARUH BOLEHLAH SAYA MENGARAHKAN NELSON MANDELA SUPAYA DATANG DAN BERKEMPEN BAGI SAYA,+ KATANYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA, YANG DUDUK DI SEBELAH KANANNYA, KEMUDIAN MENCELAK: +PEMBANGKANG BOLEH MENGUNDANG (GEROGE) BUSH (PRESIDEN AMERIKA SYARIKAT) KE SINI.+

SETIAUSAHA AGUNG DAP, ENCIK LIM KIT SIANG DALAM SATU KENYATAAN HARI INI MENDAKWA PENETAPAN TARIKH PENGUNDIAN PADA 21 OKT DITENTUKAN OLEH BARISAN NAISONAL DAN LAWATAN ENCIK MANDELA PADA 19 OKT SEBAGAI USAHA MEMANCING UNDI. -- BERNAMA

1644MST 06 10 90